



PELAN PENGURUSAN RISIKO



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
TAHUN : 2016 - 2020

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong



PELAN PENGURUSAN RISIKO 2016-2020

JABATAN KERJA RAYA
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Telefon : (03) 26108888
Faks : (03) 26988187

Laman Sesawang : <http://www.jkr.gov.my>

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat, elektronik, mekanikal, fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Diterbit oleh:
JABATAN KERJA RAYA MALAY SIA

Dicetak oleh:
Unit Percetakan,
Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan,
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582, Kuala Lumpur

Nombor Piawai Terbitan : JKR 20700-0275-17 (Pelan Pengurusan Risiko)

KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan Pelan Pengurusan Risiko	2
2.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO	2
2.1 Skop dan Konteks	2
2.1.1 Pelan Strategik JKR 2016-2020.....	3
2.2 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR.....	4
2.2.1 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu.....	6
2.2.2 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Eksekutif	6
2.2.3 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Operasi	7
2.3 Jadual Aktiviti Utama	8
2.3.1 Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko.....	8
2.3.2 Penyediaan Laporan Status Risiko	8
2.3.3 Mesyuarat Jawatankuasa Operasi ERM	9
3.0 DOKUMENTASI PENGURUSAN RISIKO	9
3.1 Daftar Risiko.....	9
3.2 Analisis Risiko.....	9
3.2.1 Templat Analisis Risiko.....	10
3.2.2 Gambarajah Analisis <i>Bow Tie</i>	10
3.3 Jadual Risk Escalation	10
3.4 Pelan Pengurusan Risiko (PPR).....	11
4.0 PENGESAHAN DOKUMEN	12
APPENDIKS.....	
Appendiks A: Jadual Aktiviti Utama.....	
Appendiks B: Daftar Risiko	
Appendiks C: Analisis Risiko	
Appendiks D: Analisis Risiko <i>Bow Tie</i>	
Appendiks E: Jadual Risk Escalation (JK Operasi & Eksekutif)	
Appendiks F: Jadual Risk Escalation (JK Pemandu)	

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Pengurusan risiko adalah proses bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko serta merupakan salah satu ciri utama bagi sesebuah organisasi cemerlang. Organisasi perlu bertindak secara proaktif terhadap potensi risiko yang ada dan yang dijangka, di samping memahami dan berusaha untuk mengawal sebarang kemungkinan berlakunya risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan sesebuah organisasi.

Amalan pengurusan risiko dapat meningkatkan kesedaran keseluruhan warga organisasi terhadap kewujudan apa jua risiko yang mungkin akan memberi kesan terhadap penyampaian perkhidmatan organisasi seterusnya bertindak untuk mengurangkan impak daripada risiko sekiranya ia berlaku. Menerusi pelaksanaan pengurusan risiko, organisasi dapat mengenal pasti ancaman risiko dengan lebih awal dan menyediakan strategi kawalan untuk membendung risiko daripada menjadi tidak terkawal.

Selain daripada itu, amalan pengurusan risiko dapat membantu organisasi dalam proses membuat keputusan penting dalam perancangan serta pengurusan strategi dan operasi jabatan. Melalui amalan pengurusan risiko yang cekap dan efisien, kejayaan dalam mencapai objektif strategi jabatan dapat ditingkatkan.

Bagi mewujudkan pelan pengurusan risiko yang lengkap, jabatan telah melaksanakan proses penganalisan menggunakan model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun. Penganalisan yang teliti memastikan insiden risiko dikenal pasti berdasarkan perkhidmatan teras jabatan ini. Keputusan analisis pelbagai insiden risiko menghasilkan kadar risiko yang menentukan tindakan yang bersesuaian diambil oleh jabatan ini untuk melaksanakan kawalan dan rawatan.

1.1 Tujuan Pelan Pengurusan Risiko

Pelan Pengurusan Risiko adalah dokumen untuk mengurus risiko secara proaktif daripada peringkat awal dan secara berterusan sepanjang organisasi beroperasi. Ini adalah untuk mengelak daripada kejutan yang boleh menjejaskan operasi organisasi.

Objektif spesifik Pelan Pengurusan Risiko dan pendekatan yang diambil adalah :

1. Memastikan risiko kritikal yang memberi impak kepada bajet, prestasi bisnes dan/atau pengurusan perubahan dikenal pasti secara proaktif, dihubungkan, dimitigasi dan dinaikkan kepada pihak atasan tepat pada waktunya.
2. Memberi perhatian utama kepada risiko utama yang memberi impak kepada organisasi dan warganya.
3. Menghasilkan informasi berguna yang membolehkan usaha ditumpukan ke atas risiko sewajarnya melalui usaha yang diselaraskan dengan berkesan.
4. Memastikan *stakeholders* yang berkaitan dimaklumkan dan jika berkenaan, menyertai dalam mitigasi.
5. Merekod segala turutan perbincangan dan tindakan mitigasi risiko.
6. Membantu dalam membuat keputusan ke atas bajet dan keutamaan pembiayaan.
7. Menyediakan maklumat risiko bagi keputusan pada *milestone*.

2.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO

2.1 Skop dan Konteks

Skop pengurusan risiko jabatan adalah meliputi risiko-risiko strategik dan operasi yang boleh menjejaskan pencapaian objektif jabatan. Pengurusan risiko jabatan dilaksanakan berdasarkan Pelan Strategik JKR.

Memandangkan pelaksanaan Pelan Strategik JKR mempunyai Penaja dan Peneraju bagi setiap Tema Strategik, maka tanggungjawab melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Jabatan adalah selari dengan tanggungjawab Penaja dan Peneraju dalam memastikan kejayaan Pelan Strategik berdasarkan tema yang berkaitan.

2.1.1 Pelan Strategik JKR 2016-2020


Hala tuju strategik JKR 2016-2020 sepertimana Gambarajah 1 adalah berasaskan lima Tema Strategik. Secara keseluruhannya, lima tema ini mewakili agenda transformasi JKR dengan menjangkakan hasil-hasil strategik yang bakal diperolehi.

Secara ringkasnya, tema strategik adalah bidang fokus utama yang membentuk Pelan Strategik JKR. Setiap tema mewakili satu bidang sasaran untuk penambahbaikan yang berstrategik.



Gambarajah 1 : Hala Tuju Strategik 2020

Objektif strategik menjelaskan dengan lebih terperinci hasil yang diharapkan bagi setiap tema. Setiap satu objektif strategik mempunyai sasaran tertentu di dalam perspektif bisnes yang digunakan. Secara kolektif, rantaian objektif-objektif strategik setiap tema membentuk Peta Strategi Mini sepertimana Gambarajah 2.



Gambarajah 2 : Peta Strategi Mini


2.2 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR

Untuk membolehkan jabatan menjayakan program pengurusan risiko peringkat organisasi, satu tadbir urus yang cekap perlu diwujudkan. Ketua Pengarah Kerja Raya telah melantik Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu sebagai *Chief Risk Officer* JKR dan Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat sebagai *Risk Champion* JKR. Pengarah Kanan atau Pengarah Cawangan serta Pengarah Negeri termasuk Unit JKR KESEDAR dan Unit Projek Khas merupakan *Risk Officers* yang bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko di Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas masing-masing.

Selain itu, tiga jawatankuasa yang dibentuk adalah seperti berikut :

- Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko.


Rajah 1 menunjukkan kedudukan relatif ketiga-tiga jawatankuasa dalam Carta Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR.



Rajah 1 : Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko JKR Malaysia

2.2.1 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu


Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko JKR dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dan dianggotai oleh Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu selaku *Chief Risk Officer* serta ketiga-tiga Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya. Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat merupakan Setiausaha bagi Jawatankuasa Pemandu. Rajah 2 menunjukkan struktur tadbir urus bagi Jawatankuasa Pemandu.



Rajah 2: Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu

2.2.2 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko JKR dipengerusikan oleh *Chief Risk Officer*, Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu dan dianggotai oleh semua Pengarah Kanan dan Pengarah Cawangan, tiga (3) Pengarah Negeri (mewakili Pengarah-Pengarah Negeri), Ketua Bahagian Kewangan dan Ketua Bahagian Audit dan Integriti. Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat merupakan Setiausaha bagi Jawatankuasa Eksekutif. Rajah 3 menunjukkan struktur tadbir urus bagi Jawatankuasa Eksekutif.




Rajah 3: Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Eksekutif

2.2.3 Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Operasi

Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko dipengerusikan oleh *Risk Officers* yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Cawangan, JKR Negeri termasuk Unit JKR KESEDAR dan Unit Projek Khas. Bagi Ketua Cawangan yang terdiri daripada Pengarah Kanan, salah satu Pengarah Cawangan berkenaan akan dilantik sebagai *Risk Officer* bagi cawangannya.

Ahli-ahli Jawatankuasa Operasi terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab terhadap operasi dan strategik Cawangan, JKR Negeri atau Unit Projek Khas. Sekretariat boleh dilantik daripada kalangan pegawai-pegawai kanan yang bersesuaian seperti Ketua Unit Korporat, Ketua Pejabat Portfolio atau seumpamanya. Rajah 4 menunjukkan contoh struktur tadbir urus bagi Jawatankuasa Operasi JKR di Negeri.



Rajah 4: Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Operasi

2.3 Jadual Aktiviti Utama

Terdapat tiga (3) aktiviti utama yang dijalankan oleh Sekretariat Jawatankuasa Eksekutif dalam pelaksanaan pengurusan risiko peringkat Jabatan.

2.3.1 Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko

Semua Peneraju dalam Jabatan perlu menyediakan Daftar Risiko masing-masing dan diserahkan kepada Sekretariat Jawatankuasa Eksekutif untuk tujuan penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Jabatan. Tempoh penyerahan Daftar Risiko yang dicadangkan adalah sebulan selepas Pelan Bisnes Jabatan diluluskan. Seterusnya, Sekretariat akan menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Jabatan untuk kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif.

2.3.2 Penyediaan Laporan Status Risiko

Semua Peneraju dalam Jabatan perlu menghantar Laporan Status Risiko masing-masing yang terkini setiap 3 bulan kepada Sekretariat Jawatankuasa

Eksekutif. Seterusnya, Sekretariat akan mengumpul dan mengemaskini Laporan Status Risiko Jabatan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif.

2.3.3 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ERM

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dijadualkan setiap 3 bulan dengan persetujuan Pengerusi. Selain pembentangan Laporan Status Risiko, Sekretariat juga merekodkan risiko-risiko yang diputuskan untuk diangkatnaik ke Jawatankuasa Pemandu. Jadual aktiviti utama adalah seperti di *Appendiks A*.

3.0 DOKUMENTASI PENGURUSAN RISIKO

Dokumen-dokumen yang digunakan dalam Pengurusan Risiko JKR adalah:

3.1 Daftar Risiko

Daftar Risiko (Borang JKR.ERM-DR Ver.1.0 Oktober 2013) merupakan templat utama yang digunakan untuk menyenarai semua risiko yang dikenal pasti. Selain mencatatkan kadar risiko berdasarkan matrik risiko, ia juga menyenaraikan strategi rawatan di mana tindakan rawatan baru perlu diambil bersama pihak bertanggungjawab serta tarikh sasaran siap. Templat ini juga digunakan untuk memantau status risiko dengan menyemak kemajuan tindakan rawatan baru yang telah diambil bersama tarikh sasaran siapnya. Jika terdapat risiko baru, ianya dikemaskini dan dipantau dalam Daftar Risiko. Daftar Risiko JKR Malaysia Tahun 2016-2020 adalah seperti di *Appendiks B*.

3.2 Analisis Risiko

Dua (2) opsyen sebagai alat dan teknik yang boleh digunakan untuk menganalisis risiko khususnya risiko yang berkadar ekstrem dan tinggi ialah;

- a) Templat Analisis Risiko; *atau*
- b) Gambarajah Analisis *Bow Tie*

3.2.1 Templat Analisis Risiko

Templat Analisis Risiko (Borang JKR.ERM-TAR Ver.1.0 Oktober 2013) digunakan untuk meneliti risiko yang mempunyai kadar risiko ekstrem dan tinggi. Antara perkara yang perlu diambilkira dalam analisis adalah faktor risiko, kesan yang mungkin dan rawatan risiko sediaada. Analisis juga menentukan tindakan rawatan baru, pihak bertanggungjawab dan tarikh sasaran siap rawatan. Satu templat digunakan untuk menganalisis setiap satu risiko yang ekstrem atau tinggi. Analisis Risiko adalah seperti di *Appendiks C*.

3.2.2 Gambarajah Analisis *Bow Tie*

Gambarajah ini (Borang JKR.ERM-GABT Ver.1.0 Oktober 2013) menggunakan *bow tie analysis* untuk menentukan faktor risiko dan kesan risiko bagi setiap insiden risiko. Analisis yang teliti terhadap faktor risiko akan menghasilkan strategi rawatan pencegahan dan seterusnya menentukan tindakan rawatan baru, pihak bertanggungjawab dan tarikh sasaran siap. Analisis yang teliti terhadap kesan risiko akan menghasilkan strategi rawatan mitigasi dan seterusnya menentukan tindakan rawatan baru, pihak bertanggungjawab dan tarikh sasaran siap rawatan.

Semua tindakan rawatan baru, pihak bertanggungjawab dan tarikh sasaran siap yang ditentukan daripada faktor risiko dan kesan risiko akan dipindahkan ke Daftar Risiko untuk tujuan pemantauan. Satu gambarajah digunakan untuk menganalisis setiap satu risiko yang ekstrem atau tinggi. Gambarajah Analisis *Bow Tie* adalah seperti di *Appendiks D*.

3.3 Jadual Risk Escalation

Jadual *Risk Escalation* merupakan dokumen yang digunakan untuk mengangkat risiko daripada satu peringkat jawatankuasa ke satu jawatankuasa yang lain. Risiko daripada Jawatankuasa Operasi Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas serta Jawatankuasa Eksekutif akan menggunakan Jadual *Risk Escalation* (Borang JKR.ERM-JRE-1 Ver.1.0 Oktober 2013) untuk membawa risiko berkenaan kepada jawatankuasa masing-masing.

Setelah menerima risiko-risiko tersebut daripada Jawatankuasa Operasi maka Sekretariat Jawatankuasa Eksekutif akan menyenarai semua risiko yang dikenalpasti dalam menggunakan Jadual *Risk Escalation* untuk dibincangkan dalam mesyuarat. Seterusnya, apabila Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah membuat keputusan terhadap risiko-risiko terlibat maka keputusan tersebut akan dimaklumkan kembali kepada Jawatankuasa Operasi melalui Jadual *Risk Escalation*.

Bagaimanapun, sekiranya Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tidak dapat membuat keputusan dan perlu mengangkat naik risiko-risiko terlibat ke Jawatankuasa Pemandu maka ianya dilakukan melalui jadual *Risk Escalation* (Borang JKR.ERM-JRE-2 Ver.1.0 Oktober 2013). Keputusan tersebut akan dimaklumkan kembali kepada Jawatankuasa Eksekutif atau Operasi melalui Jadual *Risk Escalation*.

Jadual *Risk Escalation* adalah seperti di *Appendiks E*, manakala Jadual *Risk Escalation* bagi Jawatankuasa Pemandu adalah seperti di *Appendiks F*.

3.4 Pelan Pengurusan Risiko (PPR)

Pelan Pengurusan Risiko merupakan dokumen utama yang digunakan dalam Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Operasi untuk mendaftar serta memantau risiko peringkat strategik dan operasi. Dokumen ini disediakan oleh Sekretariat masing-masing dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko berkaitan. Daftar Risiko, Templat Analisis Risiko atau Gambarajah Analisis Risiko *Bow Tie* dan Jadual *Risk Escalation* merupakan sub-dokumen penting yang dimasukkan sebagai sebahagian daripada Pelan Pengurusan Risiko JKR.


Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Jabatan dipantau oleh Jawatankuasa Eksekutif dan merupakan dokumen sokongan kepada Pelan Strategik JKR. Setiap daripada tema strategik dalam Pelan Strategik JKR dilantik seorang Penaja dan seorang Peneraju. Tanggungjawab melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko adalah selari dengan tanggungjawab Penaja dan Peneraju dalam memastikan kejayaan pelan tindakan bagi tema strategik yang berkaitan.

Manakala Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Jawatankuasa Operasi Cawangan, JKR Negeri dan Unit Projek Khas adalah berasaskan Pelan Bisnes masing-masing. Tanggungjawab melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko adalah selari dengan tanggungjawab Pengarah Kanan/Pengarah dalam memastikan kejayaan pelan tindakan bagi inisiatif-inisiatif yang berkaitan dalam Pelan Bisnes masing-masing.


4.0 PENGESAHAN DOKUMEN

Pelan Pengurusan Risiko Jabatan ini dipersetujui dan diperakukan untuk digunakan oleh Ketua Jabatan di peringkat Jabatan Kerja Raya.

DISEDIAKAN OLEH:

TANDATANGAN	
NAMA	Ir. SHEIKH ISMAIL BIN SHEIKH SALLEH
JAWATAN	Jurutera Awam Penguasa Kanan J54 Bahagian Pengurusan Perubahan & Prestasi Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat Ibu Pejabat JKR Malaysia

DILULUSKAN OLEH:

TANDATANGAN	
NAMA	DATO' Ir. Hj. MOHD DAUD BIN HARUN
JAWATAN	Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu Ibu Pejabat JKR Malaysia Kuala Lumpur
TARIKH	20 Mac 2017



APPENDIKS A

JADUAL AKTIVITI UTAMA

PELAN PENGURUSAN RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

APPENDIKS A: JADUAL AKTIVITI UTAMA

NO.	AKTIVITI	TJM *	TJS **	TSS ***	Tanggung Jawab
1.0 PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO					
1.1	Penyediaan dan Penyerahan Daftar dan Analisis Risiko	Tarikh Pelan Bisnes Jabatan Diluluskan	1 Bulan selepas TJM 1.1		Semua Peneraju (<i>Champion</i>)
1.2	Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko	1 Bulan selepas TJM 1.1	2 Minggu selepas TJM 1.2		Sekretariat JK Eksekutif
1.3	Kelulusan Pelan Pengurusan Risiko	2 Miggu selepas TJM 1.2	1 Miggu selepas TJM 1.3		Pengerusi JK Operasi
2.0 PENYEDIAAN LAPORAN STATUS RISIKO					
2.1	Penyediaan dan Penyerahan Laporan Status Risiko				
2.1.1	Laporan Status Risiko Bil. 1/(Tahun)	3 Bulan selepas kelulusan PPR	1 Minggu selepas TJM 2.1.1		Semua Peneraju (<i>Champion</i>)
2.1.2	Laporan Status Risiko Bil. 2/(Tahun)	3 Bulan selepas Laporan sebelumnya	1 Minggu selepas TJM 2.1.2		Semua Peneraju (<i>Champion</i>)
2.1.3	Laporan Status Risiko Bil. 3/(Tahun)	3 Bulan selepas Laporan sebelumnya	1 Minggu selepas TJM 2.1.3		Semua Peneraju (<i>Champion</i>)
2.1...	Laporan Status Risiko Bil.../(Tahun)	3 Bulan selepas Laporan sebelumnya	1 Minggu selepas TJM 2.1....		Semua Peneraju (<i>Champion</i>)
2.2	Mengumpul dan mengemaskini Laporan Status Risiko				
2.2.1	Laporan Status Risiko Bil. 1/(Tahun)	1 Minggu selepas penerimaan Laporan Status Risiko	1 Minggu selepas TJM 2.2.1		Sekretariat JK Eksekutif
2.2.2	Laporan Status Risiko Bil.	1 Minggu	1 Minggu		Sekretariat JK

	2/(Tahun)	selepas penerimaan Laporan Status Risiko terkini	selepas TJM 2.2.2		Eksekutif
2.2.3	Laporan Status Risiko Bil. 3/(Tahun)	1 Minggu selepas penerimaan Laporan Status Risiko terkini	1 Minggu selepas TJM 2.2.3		Sekretariat JK Eksekutif
2.2...	Laporan Status Risiko Bil.../(Tahun)	1 Minggu selepas penerimaan Laporan Status Risiko terkini	1 Minggu selepas TJM 2.2....		Sekretariat JK Eksekutif
3.0 MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF ERM					
3.1	Mengadakan Mesyuarat JK Eksekutif ERM				
3.1.1	Mesyuarat JK Eksekutif ERM Bil.1/ (Tahun)	1 Bulan selepas Pelan Bisnes Jabatan Diluluskan	1 Bulan selepas Pelan Bisnes Jabatan Diluluskan		Sekretariat JK Eksekutif
3.1.2	Mesyuarat JK Eksekutif ERM Bil.2/(Tahun)	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu		Sekretariat JK Eksekutif
3.1.3	Mesyuarat JK Eksekutif ERM Bil.3/(Tahun)	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu		Sekretariat JK Eksekutif
3.1....	Mesyuarat JK Eksekutif ERM Bil...../(Tahun)	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu	3 Bulan selepas Mesyuarat terdahulu		Sekretariat JK Eksekutif

Nota:

* *TJM = Tarikh Jangka Mula*

** *TJS = Tarikh Jangka Siap*

*** *TSS = Tarikh sasaran siap Sebenar*



APPENDIKS B

DAFTAR RISIKO

PELAN PENGURUSAN RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong



DAFTAR RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN / NEGERI :
NO.RUJUKAN: BIL. ...1./ TAHUN : ...2016.....

Jenis Risiko	Kadar Kemungkinan	Kadar Impak
1. Manusia	5 Hampir Pasti	Bencana
2. Perundangan	4 Kemungkinan Tinggi	Besar
3. Reputasi	3 Ada Kemungkinan	Sederhana
4. Kewangan	2 Kemungkinan Rendah	Kecil
5. Operasi	1 Jarang-jarang	Tiada Kesan

Kemungkinan		Impak				
		Tiada Kesan	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
		1	2	3	4	5
5	Hampir Pasti	5	10	15	20	25
4	Kemungkinan Tinggi	4	8	12	16	20
3	Ada Kemungkinan	3	6	9	12	15
2	Kemungkinan	2	4	6	8	10
1	Jarang-jarang	1	2	3	4	5

Kadar Risiko	Skala Kadar Risiko	Penerangan Kadar Risiko	Had Penerimaan Risiko	Nota Ringkas
U	13-25	Risiko ekstrem, pelan tindakan terperinci diperlukan	Risiko tidak boleh diterima * PERLU DIRAWAT	KK - Kadar Kemungkinan KI - Kadar Impak KR - Kadar Risiko
T	8-12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Jabatan	Risiko boleh diterima	KRS - Kadar Risiko Semasa
S	4-7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan		Sp - Siap
R	1-3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada		SL - Sedang Laksana BM - Belum Mula

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (v)	Pada: _____		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
TEMA 1 - OUTSTANDING PROJECT DELIVERY													
JKR1	Kegagalan menyerahkan projek mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan	Reputasi	4	4	16	Pastikan kesempurnaan kriteria semasa penerimaan projek (skop, kos dan tapak)	Mengadakan perbincangan dengan EPU bagaimana merealisasikan arahan pelaksanaan VA & kelulusan JSK	CPAB	31 Oktober 2016				
						Mengkaji semula tempoh pelaksanaan projek dengan persetujuan pihak Pelanggan	Mempercepatkan kaedah pelaksanaan seperti fast-tracking dan crashing	HOPT	Dalam masa 1 bulan dari tarikh penerimaan projek				
							Mencadangkan tempoh baru pelaksanaan projek dengan pihak Pelanggan	HOPT	Dalam masa 1 bulan dari tarikh penerimaan projek				
						Memastikan penyediaan dan penyimpanan rekod yang terperinci	Mendokumenkan semua arahan yang diterima	HOPT	Sebaik sahaja menerima arahan				
							Memaklumkan kepada Pelanggan implikasi arahan pertukaran terhadap projek	HOPT	Dalam masa 2 minggu selepas menerima arahan pertukaran				
						Mengkaji semula skop, masa dan kos berdasarkan arahan terbaru	Mempercepatkan kaedah pelaksanaan seperti fast-tracking dan crashing	HOPT	Dalam masa 1 bulan dari tarikh penerimaan projek				
							Mencadangkan tempoh baru pelaksanaan projek dengan pihak Pelanggan	HOPT	Dalam masa 1 bulan dari tarikh penerimaan projek				
						Memastikan As- built drawing dan SOFA disediakan semasa handing over. (6 bulan dari tarikh CPC)	Pemantauan berkala dalam mesyuarat tapak bagi memastikan As-built drawing disediakan berdasarkan kemajuan fizikal sebenar di tapak	SO	Sepanjang tempoh kontrak			Daftar Baharu (8/12/2016)	
							Sebarang perubahan kos kontrak perlu sedia dan dikemaskini sebelum CPC	SO	Sepanjang tempoh kontrak			Daftar Baharu (8/12/2016)	
						Memastikan harga As- built drawing yang dimasukkan berpatutan.	Membuat pelarasan harga item as-built drawing semasa peringkat awal (pelarasan harga kontrak)	SO/HOPT/HODT (CKUB)	Sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani			Daftar Baharu (8/12/2016)	
						Rancang semula sumber manusia	'Redeployment' secara dalaman	HOPT	6 bulan selepas CPC			Daftar Baharu (8/12/2016)	
						Mengeluarkan surat notis kepada kontraktor selaras	Membuat pemotongan terhadap harga (as-built drawing) yang dimasukkan dalam Preliminaries.	SO	Sebelum serahan			Daftar Baharu (8/12/2016)	

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (v)	Pada: _____		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
						dengan syarat-syarat kontrak.	Melantik pihak ketiga dan membuat pemotongan ke atas bayaran kontraktor mengikut jumlah tuntutan kerja pihak ketiga.	SO	Sebelum serahan				
						Meningkatkan koordinasi antara HOPT dan HODT.	Menetapkan peranan dan tanggungjawab HOPT & HODT semasa perlantikan	Pengarah Cawangan (Infra/Bangunan/Pakar)	Setelah surat arahan pelaksanaan kerja diterima			Daftar Baharu (13/12/2016)	
						Keperluan membuat keputusan dalam tempoh segera dan munasabah	Pengelompokan (<i>Clustering</i>) projek mengikut kategori dan tindakan	ECKM, CPAB	30 Julai 2017			Daftar Baharu (13/12/2016)	
						Memulihkan reputasi JKR	Mengadakan program libat urus bersama pelanggan	TKPKR (Bangunan & Infra)	Setiap bulan			Daftar Baharu (13/12/2016)	
						Rancang semula sumber manusia	'Redeployment' secara dalaman	HOPT dan HODT	Selepas 1 bulan kelewatan dikesan (Pra-Kontrak)			Daftar Baharu (13/12/2016)	
							Mewujudkan 'task force' melibatkan HOPT dan HODT	Jawatankuasa Pra-Kontrak				Daftar Baharu (13/12/2016)	
						Melantik kontraktor yang mempunyai rekod berprestasi tinggi	Mewajibkan pelaporan prestasi kontraktor bagi semua projek di dalam pengkalan data CIDB Merujuk kepada pengkalan data CIDB untuk tujuan penilaian keupayaan kontraktor	KPKR Penilai Tender	31 Ogos 2016 Selepas tarikh surat arahan dikeluarkan				
						Memulihkan projek sakit dan berpotensi sakit	Melaksanakan intervensi projek	SO	Apabila projek dikenalpasti lewat 10%				
						Mencukupkan bilangan pegawai dalam rekabentuk dan penyeliaan tapak	Redeploy penempatan semasa pegawai berdasarkan beban kerja	CDPK	31 Oktober 2016				
							Menstruktur semula organisasi	CDPK	31 Disember 2017				
						Mengekalkan tempoh masa rekabentuk dan memelihara kualiti yang ditetapkan	Melantik staf secara kontrak (CFS)	CDPK	1 bulan daripada tempoh permohonan				
							Membangun dan melaksanakan pelan untuk menggalakkan penggunaan lukisan PAP Melantik konsultan untuk kerja-kerja penyeliaan dan rekabentuk	Caw. Arkitek TKPKR Pakar	31 Oktober 2016 Dalam masa 3 bulan dari tarikh permohonan konsultan				
JKR2	Kelewatan mengeluarkan tender projek Pre-Approved Plan (PAP) dalam tempoh 4 bulan	Operasi	3	4	12	Meningkatkan kemampuan melaksanakan rekabentuk sivil dan rekabentuk asas	Menubuhkan Pasukan Rekabentuk di negeri Menjilidkan lukisan piawai kerja-kerja sivil	CDPK CKAS	31 Disember 2016 31 Oktober 2016				
						Mengembalikan kepercayaan penggunaan PAP dalam pelaksanaan projek	Mengkaji semula kos keseluruhan setiap PAP dan mengemaskini kos setiap tahun Memastikan ketepatan lukisan dan bq PAP serta mengemaskini lukisan secara berkala	CKUB CA	31 Disember 2016 31 Disember 2016				
JKR3	Kegagalan mencapai sasaran yang ditetapkan dalam pelaksanaan IBS	Operasi	1	4	4	T/B							
JKR4	Kegagalan mencapai Customer Satisfaction Index (CSI) yang disasarkan	Reputasi	4	4	16	Meningkatkan kepuasan pelanggan	Melaksanakan analisis ketidakpuasan pelanggan terhadap beberapa Kementerian terpilih Membangunkan dan melaksanakan Customer Satisfaction Plan (CSP)	CDPK CDPK	31 Disember 2016 31 Mac 2017				
						Memulihkan reputasi JKR	Mengadakan program libat urus bersama pelanggan Mewar-warkan kejayaan JKR dalam pelaksanaan projek	TKPKR (Bangunan & Infra) CDPK	Setiap bulan Setiap bulan				
JKR5	Kegagalan mencapai Project Management Maturity Level yang ditetapkan	Operasi	3	2	6	T/B							

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (v)	Pada: _____		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
JKR6	Kegagalan mentauliahkan bilangan pegawai yang ditetapkan dalam pengurusan projek dibawah program JKR CBAS	Manusia	2	2	4		T/B						
JKR7	Kegagalan meningkatkan <i>postings</i> berkaitan pengurusan projek dalam JCoP	Manusia	3	4	12	Meningkatkan minat pengguna JCoP untuk terus melakukan posting	Adakan roadshow/ceramah/ bengkel secara berkala untuk menarik minat dan mendapatkan buy-in Beri dorongan staf untuk aktif berkongsi pengetahuan di JCoP melalui pemberian insentif	Unit ECKM CREaTE	Berterusan				
						Memperkasakan sistem JCoP	Menambahbaik sistem JCoP melalui <i>alert system</i> kepada SME	Unit ECKM CREaTE	31 Disember 2016				
							Membangunkan sistem aplikasi JCoP yang boleh dicapai melalui telefon pintar	BTM, CDPK	31 Disember 2016				
							Mengeluarkan *dasar Jabatan berkenaan penggunaan JCoP	Unit ECKM CREaTE	31 Oktober 2016				

DISEDIAKAN OLEH:

DILULUSKAN OLEH:


NORASMI BIN MOHAMED
 Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan
 NAMA: Unit Pelaksanaan Dasar Pengurusan Program & Projek
 JAWATAN: Bahagian Pengurusan Projek Kompleks
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia


DATO' Ir. Hj. MOHD DAUD BIN HARUN
 Pengarah Kanan
 JAWATAN: Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia
 TARIKH: Kuala Lumpur



DAFTAR RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN / NEGERI :
NO.RUJUKAN: BIL. ...1./ TAHUN : ...2016-2020.....

Jenis Risiko	Kadar Kemungkinan	Kadar Impak
1. Manusia	5 Hampir Pasti	Bencana
2. Perundangan	4 Kemungkinan Tinggi	Besar
3. Reputasi	3 Ada Kemungkinan	Sederhana
4. Kewangan	2 Kemungkinan Rendah	Kecil
5. Operasi	1 Jarang-jarang	Tiada Kesan

Kemungkinan		Impak				
		Tiada Kesan	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
		1	2	3	4	5
5	Hampir Pasti	5	10	15	20	25
4	Kemungkinan Tinggi	4	8	12	16	20
3	Ada Kemungkinan	3	6	9	12	15
2	Kemungkinan Rendah	2	4	6	8	10
1	Jarang-jarang	1	2	3	4	5

Kadar Risiko	Skala Kadar Risiko	Penerangan Kadar Risiko	Had Penerimaan Risiko
E	13-25	Risiko ekstrem, pelan tindakan terperinci diperlukan	Risiko tidak boleh diterima * PERLU DIRAWAT
T	8-12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Jabatan	
S	4-7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan	Risiko boleh diterima
R	1-3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada	

Nota Ringkas
KK - Kadar Kemungkinan
KI - Kadar Impak
KR - Kadar Risiko
KRS - Kadar Risiko Semasa
Sp - Siap
SL - Sedang Laksana
BM - Belum Mula

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (v)	Pada:		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
TEMA 2 - CO-CREATIVE CUSTOMER EXPERIENCE													
JKR8	T2.1.1 & T2.1.3 Kegagalan jabatan mengurus projek/perkhidmatan teknikal menyebabkan gagal menawarkan penyampaian perkhidmatan yang menepati kehendak pelanggan mengakibatkan gagal mencapai CSI yang disasarkan dan meningkatkan peratusan pelanggan untuk memohon pengecualian pelaksanaan projek.	5	4	4	16	Memperkasakan keupayaan pengurusan projek/perkhidmatan teknikal Memantapkan program pemulihan projek sakit	Menyediakan norma struktur organisasi pasukan projek di tapak mengikut saiz dan kompleksiti projek Kawalan dan pemantauan kompetensi ahli pasukan projek yang berkesan Melaksanakan Project Health Check Mewujudkan Flying Squad Team (Project Mitigation Group)	CDPK CDPK / CPAB / CREaTE PB/HOPT CDPK/PB/HOPT	3 Bulan BERTERUSAN BERTERUSAN 6 Bulan				
JKR9	T2.1.2 Kurang kompetensi staf menyebabkan khidmat perundingan dan nasihat tidak memenuhi ekspektasi pelanggan mengakibatkan pelanggan kurang berminat untuk mendapat khidmat teknikal jabatan.	1	4	4	16	Menambahbaik program kompetensi yang lebih sistematik dan berkesan Memantapkan pengurusan staf khidmat nasihat teknikal mengikut bidang kepakaran yang sesuai	Menguatkuasa pelaksanaan analisis jurang kompetensi yang lebih berkesan Memantau dan mengukur keberkesanan program latihan dan kompetensi staf Penempatan semula staf yang kompeten mengikut skop tugas Mengadakan program latihan khas/semula kepada staf khidmat nasihat teknikal yang terlibat	CDPK CDPK CDPK CDPK	BERTERUSAN BERTERUSAN BERTERUSAN BERTERUSAN				
JKR10	T2.1.4 Kurang komitmen dan penghayatan pegawai terhadap Piagam Pelanggan JKR serta SOP yang berkaitan dan juga komunikasi yang kurang berkesan menyebabkan kelewatan dalam mengemukakan laporan awal seterusnya mengakibatkan persepsi pelanggan menurun.	1	3	3	9	Program penguatkuasaan Piagam Pelanggan dan SOP yang berkaitan secara lebih berkesan Memantapkan pemantauan dan kawalan oleh pihak pengurusan (JD/PB)	Mewujudkan sistem pemantauan dan kawalan oleh pihak pengurusan yang berkesan Mengadakan program berkala Mock-Up kecemasan/ krisis/bencana bagi menguji tahap kesediaan jabatan Menetapkan jadual pengemukaan laporan awal yang praktikal.	CPAB CPAB HOPT/PAKAR	6 Bulan 3 Bulan Ad-Hoc				

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (v)	Pada:		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
							Mengemaskini aliran proses kerja pengemukaan laporan awalan	CDPK	3 Bulan				
JKR11	T2.1.5 Kurang program libat urus bersama pihak pelanggan/awam menyebabkan hubungan mesra dan kepercayaan pelanggan kurang berkesan seterusnya mengakibatkan kesetiaan pelanggan terjejas.	3	3	3	9	Mengadakan program Jalinan Murni/Libat urus secara mandatori bagi pelanggan yang terpilih	Mengatur dan melaksanakan program tahunan Jalinan Murni bersama pelanggan yang terpilih untuk tahun berkenaan	HOPT	1 Bulan				
							Menambahbaik borang kajiselidik CSI untuk mengukur keberkesanan aktiviti jalinan murni/libat urus	CDPK	2 Bulan				
						Memulihkan hubungan mesra dan mengembalikan keyakinan pelanggan	Mengatur lawatan kunjung hormat menemui pelanggan yang berkenaan oleh Pengurusan Atasan	CDPK	Ad-Hoc				
							Mengadakan program libat urus susulan yang konsisten	HOPT	Berterusan				
JKR12	T2.1.5 Kegagalan Jabatan untuk mewar-warkan artikel teknikal dan inovasi (Journal) kepada orang awam melalui media menyebabkan kurang kesedaran orang awam akan kepakaran Jabatan dalam bidang teknikal seterusnya mengakibatkan kepercayaan pelanggan/awam terjejas.	3	3	3	9	Membina rangkaian komunikasi awam melalui media massa	Mewujudkan penerbitan Journal JKR secara berkala	CREaTE	6 Bulan				
							Mengadakan kolaborasi penerbitan artikel JKR dengan pihak media massa secara formal	CREaTE	6 Bulan				
						Memulih kaedah komunikasi awam	Mengadakan program khas penyiaran maklumat JKR melalui media elektronik dan cetak	CDPK/SEKTOR PAKAR/CREaTE	3 Bulan				
							Mengadakan program promosi artikel JKR kepada orang awam melalui media sosial dan pengiklanan	CREaTE	3 Bulan				
JKR13	T2.1.5 Kegagalan menguruskan program sosial dengan berkesan menyebabkan persepsi negatif awam terhadap keupayaan teknikal JKR seterusnya mengakibatkan kepercayaan pelanggan/awam terjejas.	3	2	3	6		T/B						

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA:

JAWATAN:

DATO' Ir. Hj. MOHD JAMAL BIN SULAIMAN
Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur

29/3/13

DILULUSKAN OLEH:



NAMA:

JAWATAN:

TARIKH:

DATO' Ir. Hj. MOHD DAUD BIN HARUN
Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur



**DAFTAR RISIKO JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN / NEGERI :
NO.RUJUKAN: BIL. ...1./ TAHUN : ...2016-2020.....**

Jenis Risiko	Kadar Kemungkinan	Kadar Impak
1. Manusia	5 Hampir Pasti	Bencana
2. Perundangan	4 Kemungkinan Tinggi	Besar
3. Reputasi	3 Ada Kemungkinan	Sederhana
4. Kewangan	2 Kemungkinan Rendah	Kecil
5. Operasi	1 Jarang-jarang	Tiada Kesan

Kemungkinan		Impak				
		Tiada Kesan	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
		1	2	3	4	5
5	Hampir Pasti	5	10	15	20	25
4	Kemungkinan Tinggi	4	8	12	16	20
3	Ada Kemungkinan	3	6	9	12	15
2	Kemungkinan	2	4	6	8	10
1	Jarang-jarang	1	2	3	4	5

Kadar Risiko	Skala Kadar Risiko	Penerangan Kadar Risiko	Had Penerimaan Risiko	Nota Ringkas
E	13-25	Risiko ekstrem, pelan tindakan terperinci diperlukan	Risiko tidak boleh diterima * PERLU DIRAWAT	KK - Kadar Kemungkinan KI - Kadar Impak KR - Kadar Risiko KRS - Kadar Risiko Semasa Sp - Siap SL - Sedang Laksana BM - Belum Mula
T	8-12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Jabatan		
S	4-7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan	Risiko boleh diterima	
R	1-3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada		

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO			
NO.	Insiden Risiko	Jenis Risiko	Risiko Asal			Strategi Rawatan Pencegahan/Mitigasi	Tindakan Rawatan Baru	Pihak Bertanggungjawab	Tarikh Sasaran Siap	Syor untuk Diangkat Naik (√)	Pada: _____		
			KK	KI	KR						Status Tindakan S/L/BM	KRS	Catatan
TEMA 3 - CENTRE OF TECHNICAL EXCELLENCE													
JKR14	T3.1.1a Kesukaran mendapat pembekal menyebabkan kesukaran mendapatkan bekalan IBS Precast Components bagi kawasan tertentu	Operasi	2	4	8	Mengadakan kawalan harga IBS mengikut kuantiti dan lokasi	Membenarkan kontraktor membina sendiri komponen tanpa kebergantungan kepada pembekal	HOPT	Berterusan				
						Penguatkuasaan penggunaan IBS	Melaporkan keingkaran penggunaan IBS oleh kontraktor kepada ICU	HOPT	Berterusan				
							Memperluaskan penggunaan katalog IBS	CKAS	Disember 2016				
JKR15	T3.1.1b Ketersediaan Jabatan untuk menggunakan BIM menjejaskan pencapaian sasaran 10% projek melebihi RM50 juta menggunakan BIM	Operasi	5	5	25	Meningkatkan kepakaran dan kompetensi teknikal	Mempertingkatkan latihan	CREaTE	Berterusan				
							Mempromosikan BIM	CPAB	Berterusan				
							Memperlengkapkan peralatan dan infra mengikut keperluan semasa	CDPK	Nov-16				
							Memperkasakan pelaksanaan BIM dalam JKR	HODT	Berterusan				
JKR16	T3.1.1b Kurang keyakinan terhadap ketersediaan JKR berkaitan BIM menyebabkan kesukaran universiti/organisasi luar untuk berkolaborasi dengan JKR	Reputasi	3	2	6		T/B						

DAFTAR RISIKO										STATUS RISIKO Pada: _____			
